

**KALANG MPAT SEBAGAI TEKNIK INTERAKSI BAJAU
DARAT DI SABAH
(*KALANG MPAT AS INTERACTION TECHNIQUE OF LAND
BAJAU IN SABAH*)**

SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI

ABSTRAK

Keterikatan antara bahasa dengan budaya sudah diakui dan tidak dapat dinafikan. Dengan bahasa maka pelbagai aspek dan bentuk dalam budaya dapat dikomunikasikan dengan baik. Terdapat pelbagai cara untuk berkomunikasi, sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Kekreatifan anggota setiap masyarakat di dunia menggunakan bahasa menyebabkan timbul berbagai-bagai kaedah untuk mengkomunikasikan kemahuan, perasaan dan kenyataan. Untuk mengelakkan sebarang masalah salah tafsir berlaku semasa proses komunikasi berlangsung maka setiap anggota masyarakat berusaha untuk mengungkapkan sebaik mungkin apa juga perkara yang ingin diutarakan. Sehubungan itu, kertas ini berusaha meneliti teknik interaksi menggunakan nyanyian kalang mpat dalam masyarakat Bajau Darat di daerah Kota Belud, Sabah. Hal yang khusus mahu ditinjau adalah teknik penggunaan bahasa dalam budaya masyarakat ini yang boleh dikongsikan kepada masyarakat di luar kelompok Bajau.

ABSTRACT

The connection between language and culture is inevitable and has been acknowledged. Language is able to express the various forms and aspects of culture. There are various ways to communicate, either directly or indirectly. Humans are very creative in using language;

they use various ways to express desires, feelings and statements. In order to prevent any misinterpretation from happening during the communication process, members of the society will attempt to express their intentions in the best and most accurate way possible. This paper attempts to examine the interaction techniques used in the Kalang Mpat song which is sung by the members of the Bajau Darat society in the district of Kota Belud in Sabah. This paper will focus on the specific interaction techniques used by this community which can be shared with members of other societies.

Pengenalan

Hubungan antara bahasa dan komunikasi tiada sempadan – bagai laut dengan pantai. Tanpa bahasa, komunikasi tidak dapat dijalankan. Tanpa keperluan untuk berkomunikasi, bahasa menjadi tidak berguna. Komunikasi sentiasa wujud sejak bermulanya tamadun manusia. Komunikasi sentiasa memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia dan penguasaannya akan mempengaruhi keberkesanan kehidupan manusia. Manusia berkomunikasi kerana pelbagai sebab seperti ingin memahami manusia lain, ingin memahami kejadian yang berlaku dan ingin memahami dunia di sekelilingnya.

Bahasa sebenarnya mempunyai fungsi yang amat penting bagi manusia, terutama fungsinya sebagai alat perhubungan. Sejumlah ahli bahasa telah memberi perhatian yang besar terhadap fungsi bahasa. Halliday (1973:11-15) misalnya ada mengemukakan tujuh fungsi bahasa, iaitu fungsi instrumental (*the instrumental function*); fungsi regulasi atau pengendalian (*the regulatory function*); fungsi pemerian (*the representational function*); fungsi interaksi (*the interactional*); fungsi peribadi (*the personal function*); fungsi heuristik (*the heuristic function*) dan fungsi imaginasi (*the imaginative function*). Ketujuh-tujuh fungsi bahasa tersebut saling mengisi dan saling memperlengkapkan antara satu sama lain dan bukan saling

membezakan (Brown, 1980:104-105). Dengan perkataan lain, kita dapat mengatakan bahawa kesemua tuturan mempunyai fungsi pelbagai (*all utterances are multi-functional*) (Stubbs 1983:47).

Latar Belakang Masyarakat Pendukung

Sudah sebatian dengan dunia pertanian menyebabkan kebanyakan dari anggota masyarakat ini masih mempertahankan pekerjaan tradisi sehingga kini. Meskipun dunia sekitar telah banyak berubah mengikut edaran zaman, namun kebanyakan generasi Bajau telah menyesuaikan diri dengan penggunaan teknologi dan pengetahuan moden dalam dunia pertanian. Bukan persoalan hidup dalam dunia pertanian yang mahu dipersoalkan. Hal yang lebih penting adalah usaha untuk memelihara dan memulihara khazanah tradisi yang tidak mampu dipertahankan atau disesuaikan dengan arus moden.

Generasi Bajau masih mempertahankan lembah Tempasuk sebagai tempat kediaman utama mereka sejak berkurun lamanya. Masyarakat Bajau di daerah ini masih menghargai aliran sungai Tempasuk yang berlatarkan gunung Kinabalu dan berasaskan lembah hijau ini sebagai pusat petempatan utama di pantai barat Sabah. Daerah Kota Belud yang menjadi nadi utama populasi masyarakat Bajau di residensi pantai barat Sabah. Mereka sebagaimana yang diketahui turut dikenali sebagai Bajau Darat. Bukan persoalan istilah Bajau yang mahu ditimbulkan. Kebanyakan dari anggota masyarakat ini lebih gemar dikenali sebagai *Sama*. Satu panggilan yang sentiasa digunakan apabila anggota-anggota masyarakat ini bertemu. Yang membezakan antara mereka adalah kawasan kediaman, dengan demikian lahir pula istilah *Sama* yang dirujuk kepada panggilan setiap masyarakat Bajau dari daerah yang berlainan, misalnya *Sama Tuaran*, *Sama Papar*, *Sama Kinarut*, *Sama Kota Belud*, *Sama Kudat*, *Sama Semporna* dan lain-lain. Bajau hanya digunakan untuk merujuk kelompok ini oleh masyarakat lain. Jadi tidak timbul persoalan kelompok *Sama* mana

yang lebih jati. Yang penting keutuhan tersebut dipelihara dengan wujudnya persamaan dan perbezaan antara kelompok-kelompok *Sama* ini.

Suatu ketika dahulu, didakwa bahawa masyarakat Bajau di kawasan pantai barat Sabah juga merupakan sebahagian daripada masyarakat Bajau di kawasan pantai timur Sabah. Perubahan bentuk pekerjaan, perbezaan struktur bahasa, pengamalan budaya yang mempunyai persamaan dan perbezaan, inti kebudayaan yang tidak begitu memperlihatkan persamaan telah mengubah penampilan dan watak kedua-dua kelompok Bajau ini. Mereka kemudiannya dipisahkan dengan dua panggilan utama, iaitu Bajau Darat dan Bajau Laut. Bajau Darat dirujuk khusus untuk masyarakat Bajau dari kawasan pantai Barat Sabah, manakala Bajau Laut pula dirujuk kepada masyarakat Bajau di kawasan pantai timur Sabah. Penggunaan istilah Bajau Laut itu sebenarnya tidak digemari oleh mereka. Didakwa terdapat banyak istilah yang dirujuk kepada kelompok Bajau di pantai timur Sabah. Satu panggilan yang mungkin dianggap lebih sesuai adalah *Sama Delaut* yang mungkin boleh diambil kira sebagai panggilan yang lebih menyenangkan berbanding dengan panggilan Bajau Laut.

Budaya Lisan

Tiap-tiap hasil sastera mencerminkan keadaan masyarakat pada waktu itu, khususnya susunan masyarakat bangsa itu sendiri dari segi lahir dan batinnya. Tinggi atau rendahnya tamadun sesuatu bangsa dapat dikaji daripada hasil-hasil sastera bangsa itu pada suatu masa tertentu dan dibandingkan hasil penyelidikan itu dengan hasil-hasil sastera bangsa-bangsa asing pada masa yang sama juga, demikian menurut Yahaya Ismail (1963:417) berhubung dengan hasil kesusasteran bagi melambangkan pemikiran, falsafah, pendapat dan jiwa masyarakat di tempat dan zaman ia tercipta. Sehubungan

itu, penelitian penggunaan bahasa dalam sesuatu hasil sastra turut mendapat tempat dan perhatian dalam kalangan ahli-ahli bahasa, yang mahu meneliti karya-karya sastra dan meneliti penggunaan bahasa sama ada bersifat fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, pragmatik ataupun sociolinguistik. Usaha-usaha penelitian sedemikian semakin berkembang dan berupaya dikembangkan bagi berkongsi pemikiran, falsafah dan jiwa masyarakat pendukung bahasa dan sesuatu karya itu.

Pola tatanan kehidupan dan latar belakang sosiobudaya dapat digali melalui tradisi-tradisi yang ada dalam masyarakat. Salah satu penggalian dan pengkajian tradisi dalam masyarakat dapat dilakukan melalui penggalian dan pengkajian tradisi lisan atau sastra lisan. Tradisi lisan atau sastra lisan merupakan cermin budaya masyarakat (Finnegan 1977). Sastra sebagai cermin budaya dan pandangan hidup masyarakat sangat dirasakan dalam sastra tradisional. Sastra rakyat ini merupakan sastra yang secara komunal menjadi milik rakyat, diturun-temurunkan sejak nenek moyang secara lisan. Kendatipun hanya sekadar sebagai tradisi lisan, sastra semacam itu justeru merupakan cermin nilai-nilai kehidupan yang intisarinya daripada masyarakat yang berkenaan. Untuk maksud penelitian ini, istilah tradisi lisan dan sastra lisan akan saling digunakan secara saling berganti.

Tradisi lisan didakwa sebagai corak kesusasteraan tertua, kerana sebelum terdapat sistem tulisan, manusia bercerita dengan cara lisan sahaja. Tradisi lisan dikatakan penghasilan sastra dalam kalangan rakyat dan mencerminkan perjalanan masa, dan pemupukan unsur-unsur budaya yang dilalui pendukungnya. Tradisi lisan bukanlah sesuatu yang pelik atau fenomena luar biasa dalam budaya manusia, malah, ia juga bukanlah artifak yang terpendam sekian lama dan muncul kemudiannya dalam era moden. Tradisi lisan telah lama wujud dalam kelompok yang masyarakatnya tidak tahu membaca. Ia boleh didengar dan dikesan di seluruh dunia sejak dahulu hingga kini. Pelbagai jenis puisi lisan boleh didapati, antaranya puisi pengubatan

bangsa Eskimo atau Maori, hingga ke zaman pertengahan di Eropah dan balada dari China, atau puisi berbentuk epik dari zaman praklasik Greek. Puisi lisan tidaklah berupa bahan dalam kelompok atau kategori yang lapuk. Ia masih berlegar di sekeliling kita. Malah, pendefinisan terhadap tradisi lisan perlu turut memasukkan kategori balada dan lagu rakyat, sama ada berbentuk moden atau tradisional yang dinyanyikan di Kepulauan British, nyanyian rakyat dalam versi Negro Amerika, lagu-lagu terkenal yang berkumandang menerusi corong-corong radio dan televisyen seperti lagu-lagu rakyat yang dinyanyikan oleh penyanyi-penyanyi generasi baru di Malaysia, seperti S. M Salim, Siti Norhaliza, Noraniza Idris, Nora dan lain-lain lagi, lagu-lagu rakyat yang dinyanyikan dengan cara beremosi oleh ahli-ahli gereja di Amerika Selatan, atau lagu kanak-kanak yang dipopularkan seperti lagu Bangau oh Bangau, Rasa Sayang, Burung Kenek-Kenek, Walinong Sari, Indung-Indung dan lagu-lagu lain.

Tradisi lisan bukan sahaja dihargai oleh peminatnya, tetapi ia turut menarik perhatian para pengkaji daripada pelbagai bidang. Tradisi lisan bertulis dapat membekalkan bahan-bahan kajian yang boleh menyelongkar kandungan sebenar atau maksud tersirat di dalam bahan-bahan tersebut. Banyak kajian telah dilakukan oleh para pengkaji yang akhirnya memaparkan bentuk-bentuk lisan yang berkualiti. Antaranya puisi Homer, *Iliad* dan *Odysey* atau Epic *Gilgamesh* (Finnegan 1992: 5). Selain itu, bahan-bahan berupa puisi lisan ini turut menarik perhatian para pengkaji dari bidang antropologi dan etnografi. Bahan-bahan seperti puisi berbentuk mantera, bacaan-bacaan semasa sembahyang dalam kalangan kelompok Zulu atau lirik puisi bangsa Maori turut berupaya digunakan sebagai bahan kajian. Sesungguhnya, puisi lisan telah menarik perhatian ramai pengkaji dari seluruh dunia, sama ada bersifat amatir atau profesional. Minat tersebut ditunjukkan dalam pelbagai bentuk - di bawah nama kajian tradisi masyarakat sebagai sebahagian kebudayaan suatu kolektif, yang tersebar dan diwariskan turun temurun (*Folklore*), ia telah

berkembang dan tersebar selama hampir dua abad, sama ada dalam bentuk pengumpulan bahan mentah; kajian popular atau tradisi termasuk bentuk puisi dan lagu. Terdapat banyak contoh-contoh tradisi lisan yang telah dikaji oleh para peneliti dari seluruh dunia. Sekadar menyebut beberapa nama, antaranya Overbeck (1922), Dundes (1965), Lord (1965), Winstedt (1969), Sweeney (1980), Daillie (1988), Phillips (1981), Ong (1982), Finnegan (1992) dan ramai lagi pengkaji lain.

Kalang Mpat

Kalang mpat merupakan salah satu nyanyian rakyat yang dimiliki suku kaum Bajau. Di Borneo, orang-orang Bajau boleh ditemui di Sabah terutama di sepanjang pantai barat Sabah, bermula dari daerah Kudat sehingga ke Sipitang. Namun, tumpuan penelitian ialah di daerah Kota Belud yang didominasi oleh suku kaum Bajau. Suku kaum Bajau di daerah ini masih lagi mengekalkan budaya tradisi ekspresif yang hanya digemari oleh kalangan generasi tua sahaja. Memandangkan *kalang mpat* semakin tidak menarik perhatian generasi muda dan generasi tua yang mengetahui *kalang mpat* semakin berkurangan, maka *kalang mpat* menjadi salah satu tarikan budaya yang menarik.

Kalang mpat dicipta dalam susunan kata-kata yang padat mengikut peraturan sebagaimana yang telah ditetapkan. Peraturan yang disusun misalnya, dari segi suku kata dan rima pada penghujung yang sesuai adalah berasaskan kepada keperluan pernyataan yang disampaikan secara lisan. Menerusi *kalang*, pemantunnya dapat menyampaikan pengajaran, sindiran, rasa hati, perasaan dan hiburan dengan cara yang berkesan. Penyampaiannya, dengan memilih kata-kata yang bersesuaian dan rima menarik boleh membawa pengertian mendalam kepada pendengar. Keseimbangan rima dan rangkap selalu ditekankan dalam pembinaan *kalang*. Dalam keadaan ini, pendengar dan pemantun dapat menilai dan membezakan antara *kalang*

yang baik dan sebaliknya. Pemilihan dan susunan kata-kata yang memperlihatkan keseimbangan amat ditekankan kerana penciptaan sedemikian akan melambangkan keharmonian pemikiran ahli-ahli masyarakat tersebut. Berdasarkan contoh-contoh *kalang* yang diberikan, dapat diteliti rima akhir yang berbeza antara satu *kalang* dengan *kalang* yang lain, iaitu a-a-a-a; a-b-a-b.

Kalang dihasilkan secara spontan. Penciptaan sebegini lazimnya membawa pengertian mendalam yang disesuaikan dengan suasana tempat *kalang* dinyanyikan. Kebolehan menghasilkan *kalang* secara spontan serta dinyanyikan dengan iringan muzik merupakan satu kebolehan yang istimewa dan sangat dihargai pendengarnya. Susunan struktur pantun itu sebagaimana puisi-puisi tradisional lain menekankan keindahan susunan bunyi yang disampaikan secara lisan. Dalam proses kreativiti (mencipta dan menghasilkan) *kalang*, penciptanya sering melihat kepada latar belakang mereka sebagai petani. Pekerjaan ini telah mengundang mereka untuk menyatukan unsur-unsur pengetahuan, pengalaman mereka mengharungi hidup, suasana alam sekitar sebagai latar belakang *kalang*. Jika diperhatikan dengan teliti, terpancar kandungan pemikiran yang tersirat di sebalik bait-bait puisi tradisi ini. *Kalang* yang disertakan berhasil memperlihatkan nilai-nilai muafakat, kesabaran, rendah diri, persaudaraan, keprihatinan, kerjasama dan sikap tolong-menolong di kalangan ahli-ahli masyarakat ini. Sesungguhnya, *kalang-kalang* tersebut memperlihatkan watak manusia penciptanya. Di dalamnya, terkandung bentuk kegembiraan, kesedihan dan nilai-nilai murni dalam diri manusia penciptanya. Selain itu, penciptanya juga turut menyerlahkan keindahan jagat raya ke dalam *kalang-kalang* ini. Keindahan tersebut waima berunsurkan flora atau fauna jelas tergambar dalam setiap bait *kalang* itu. Keadaan ini membuktikan bahawa latar diri penciptanya begitu akrab dengan alam sehingga tidak dapat memisahkan setiap inci alam daripada *kalang*.

Pencipta *kalang* lazimnya amat peka dengan susunan atau peredaran yang dapat diteliti dari keharmonian dan keseimbangan alam sekitar. Melaluinya mereka dapat menghayati kehalusan dan keindahan alam ciptaan Tuhan. Suasana kehalusan dan keindahan alam sekitar ini dapat memberikan inspirasi yang mempengaruhi rasa hati dan perasaan anggota-anggota masyarakat untuk dinyatakan pula dalam kehidupan harian mereka. Keindahan dan kehalusan budi yang dicipta dan dihasilkan dalam *kalang* itu disampaikan pula dalam bentuk tradisi budaya ekspresif. Dengan menyampaikan *kalang* dalam konteks budaya ekspresif itu bermakna keindahan dan kehalusan *kalang* itu dapat dihayati bersama secara lebih mendalam dan bermakna. Melalui budaya ekspresif itu, anggota-anggota masyarakat dapat merasai keindahan, di samping memberikan mereka hiburan.

Melalui *kalang mpat*, kita mampu mengesan beberapa unsur yang terselindung di sebalik nyanyian ini. Unsur-unsur tersebut merupakan antara teknik penciptaan dan penyampaian yang dilakukan oleh penyanyinya agar setiap bait *kalang* itu dapat dinikmati keaslian dan keindahannya oleh pendengar. Secara tidak langsung, tradisi *berkalang* dalam masyarakat Bajau adalah gabungan antara teknik penyampaian dan proses interaksi penyanyi-pendengar yang telah berlaku sejak sekian lama.

Penggunaan Bahasa

Secara umum, sudah diterima bahawa apabila bahasa digunakan untuk tujuan interaksi, bahasa digunakan dalam konteks. Sebuah konteks boleh jadi tersusun atas ciri-ciri atau fitur yang sesuai dengan interaksi kelompok dan perseorangan, interaksi tradisi dan moden. Diandaikan bahawa setiap anggota masyarakat akan membawa bersamanya pengetahuan tentang cara berhubungan antara satu dengan lainnya pada setiap interaksi sosialnya. Pengetahuan ini akan didasarkan pada seluruh nilai dan norma sosiobudaya masyarakat, baik yang tradisi

mahupun yang moden, yang dimiliki secara bersama.

Komunikasi ialah perkara sosial, biasanya berlaku dalam konteks situasi sosial yang jelas. Dalam konteks seperti itu, kita bergantung antara satu sama lain dan berkongsi tanggapan kita tentang situasi itu. Dengan orang yang kita kenal, kita tidak menjelaskan semuanya, tetapi kita bergantung pada kefahaman yang dikongsi untuk memudahkan masalah komunikasi. Di sini terlihat adanya satu hubungan satu lawan satu di antara bahasa dan konteks sosial, yang di dalamnya anggota masyarakat memisah-misahkan bahasa-bahasa yang ada untuk menyampaikan dua atau lebih perangkat nilai-nilai atau norma-norma yang berlaku. Selain itu, masyarakat bahasa ini juga ditandai oleh perbezaan antara nilai-nilai yang berkaitan dengan kelompok dalam keakraban, solidariti dan informaliti dengan nilai-nilai yang berkaitan dengan kelompok luar yang menekankan formaliti dan perbezaan status.

Bentuk-bentuk linguistik melibatkan pelbagai fungsi, salah satu yang asas adalah komunikasi. Komunikasi melibatkan penutur-pendengar. Penulisan dan pertuturan juga adalah media asas dalam komunikasi. Penutur menghasilkan pertuturan dan mengkomunikasikannya kepada pendengar. Proses komunikasi berhasil apabila pendengar secara sejadi menyediakan set pemikiran kepada pendengar agar pendengar dapat memperoleh maklumat dan memaklumi hal yang diperkatakan oleh penutur. Penutur yang baik mampu menyampaikan apa yang dikehendaki/pemikiran kepada pendengar dan pendengar pula mampu memahami seluruh set pemikiran tersebut termasuklah struktur bahasa yang digunakan oleh penutur.

Sperber dan Wilson mencadangkan bahawa linguistik komunikasi melibatkan dua jenis proses, iaitu *decoding* yang melibatkan penggunaan kod-kod linguistik dan yang kedua, proses membuat kesimpulan (*inference*) yang melibatkan alasan umum (*general reasoning*) yang menggunakan pertuturan sebagai bukti komunikasi.

Kebanyakan hasil sastra wujud dalam dua mod, iaitu sebagai teks dan sebagai persembahan. Teks hanya terkandung dalam kata-kata, manakala persembahan pula adalah kata-kata yang mempunyai cara khusus dan diiringi dengan gesture pada tempat dan masa tertentu yang dipersembahkan kepada pendengar dalam konteks budaya.

Hubungan antara aspek linguistik dan sosial dipentingkan kerana bentuk dan fungsi-fungsi bahasa tidak dapat dijelaskan sepenuhnya dengan hanya berpandukan hubungan langsung dalam konteks sosial. Menurut Kress & Hodge (1979:13) akhir-akhir ini pendeskripsian terhadap konteks sosial lebih memfokuskan kepada penggunaan konteks secara meluas, atau 'budaya' pula dilihat sebagai satu entiti homogen (kesamaan) yang menyatukan masyarakat yang berbilang kaum, manakala bahasa pula dilihat sebagai satu asas fundamental yang mempunyai kategori, sistem dan peraturan dalam masyarakat terbabit. Ikatan antara bahasa dan konteks sosial sedemikian erat sebagaimana kenyataan Kress & Hodge (1979:5) *these principles and assumptions are not related to or determined by thought; they are thought. ...such assumptions are embodied in language, learnt through language, and reinforced in language use.*

Halliday (1978:34) menjelaskan bahasa berupaya 'memaknakan' situasi, atau konteks sosial untuk menggerakkan budaya. Beliau juga berpandangan bahawa teks merupakan satu produk kompleks hasil interaksi antara budaya yang besar dan tujuan penciptaannya; ia merupakan satu proses yang berterusan di dalam sistem sesebuah masyarakat, yakni proses yang melibatkan pemaknaan yang besar yang membentuk semiotik sosial, sistem makna dalam budaya, dan dalam masa yang sama mengubah masa dan memperbaharui sistem itu sendiri (Halliday 1978:137).

Budaya Bajau tidak menggunakan teknik langsung dalam interaksi mereka. Dalam tradisi lisan seperti *kalang* misalnya, mereka lebih gemar menggunakan cara tersirat untuk menggambarkan perkara yang ingin diperkatakan. Hal ini dapat digambarkan berdasarkan

teknik implisit yang terkandung dalam ayat-ayat yang digunakan oleh kalangan penyanyi-penyanyi tradisi lisan Bajau

a) Jarak

didefinisikan sebagai ruang (sela, jauh, atau panjang) di antara dua benda atau dua tempat (Kamus bahasa Melayu Nusantara 2003:1062).

Mangan buas be san-san

Idangan somo anak piatu

Aku kak sasat entengaq lan

Tiup beriu tumepoh pitu

Makan nasi berpinggan-pinggan

Dihidang juga anak piatu

Saya ni abang sesat di tengah jalan

Ditiup angin sampai ke sini

Tiup beriu sampai merarat

Tegegaq atai enggontor jantung

Dembilaq timur ka dembilaq barat

Minggo tungan minggo ka rurung?

Ditiup angin sampai melarat

Hati terkejut jantung bergoyang

Sebelah timurkah sebelah barat

Di mana tempat dimanakah lorong?

Saung-saung nginum serebat

Makai sinsim permoto intan

Enggai taq timur enggai taq barat

Yang sebana ni taq moto selatan

Pagi-pagi meminum serebat
Memakai cincin intan permata
Bukan di timur bukan di barat
Yang sebenarnya di mata selatan

Meli selasih luman engkadai
Akan bino taq lat yunan
Terimo kasih no yang alap atai
Iyan oron kampung alaman?

Membeli selasih pergi ke kedai
Akan dibawa ke negeri yunan
Terima kasih lah yang baik hati
Apa nama kampung halaman

Uran londos niyaq engkok kakan
Ai abis baseq semimon santan
Amun ea no maksud dinakan
Asal ku tu kak taq pulau intan

Hujan lebat tidak dapat makan
Habis basah semua santan
Jika itulah maksud saudara
Asal saya ini dari pulau intan

Masyarakat Bajau tidak secara langsung menggunakan ukuran untuk menentukan jarak. Terdapat pelbagai cara untuk menentukan jarak bagi masyarakat ini, sama ada dengan menggunakan contoh-contoh dari alam, meminjam kata jarak dari masyarakat yang berjiran dengan mereka atau menggunakan kekreatifan budaya untuk menggambarkan jarak. Dalam konteks ini pastinya gambaran jarak itu ditunjukkan dengan menggunakan ayat-ayat yang mempunyai

bayangan jarak dan alam sudah semestinya dijadikan sandaran kepada bayangan tersebut. Jarak menerusi kalang dapat dipaparkan menerusi perbuatan, tempat atau asal-usul, misalnya (i) *Aku kak sasat entengaq lan, tiup beriu tumepoh pitu* (perbuatan); (ii) *Dembilaq timur ka dembilaq barat, minggu tungan minggu ka rurung?* (tempat); (iii) *Enggai taq timur enggai taq barat, yang sebana ni taq moto selatan* (tempat); (iv) *Meli selasih luman engkadai, akan bino taq lat yunan* (perbuatan); (v) *Iyan oron kampung alaman?* (asal-usul); (vi) *Asal ku tu kak taq pulau intan* (asal-usul).

b) Bersendirian

Didefinisikan sebagai berada seorang diri; duduk (pergi dsb) seorang diri (Kamus bahasa Melayu Nusantara 2003:2466).

Musai biduk ngendok muntio

Sambil kekuri taq telaq buan

Boi lekat ku tu telampau tiyo

Sasat aku kak entengaq lan

Mengayuh perahu mengambil mutiara

Sambil bermain di terang bulan

Saya berasal dari tempat yang jauh

Saya sesat abang di tengah jalan

Sukup iko bedagang niyaq laku

Iko lagi merumaq temban

Amun un iyang mak ku

Minggu ka jaji dagang tiniman?

Ramai berjualan tidak laris

Banyak lagi tinggal di rumah

Jika ada ibu bapa saya

Manakah jadi dagang dibuang

Ellau songom bege ea no abar

Irit jomo puriq kok pitu

Ellum ku tu kak niyaq tantu ampar

Sampai no jaji dagang piatu

Siang malam begitulah khabar

Dibawa orang ke sana sini

Hidup saya ini tidak tentu arah

Sehinggalah jadi dagang piatu

Sumping sempakak niyaq bengen rego

Tapi mamut tekoq pen layu

Amun sumping bengen penjogo

Ngini sampai liyangan beriu?

Pucuk cempaka tidak berharga

Tapi harum susah juga layu

Jika pucuk ada penjaga

Mengap a sampai diterbangkan angin?

Salah satu sifat umum dalam kalangan masyarakat asia atau timur adalah sifat tidak suka berterus-terang. Sifat ini telah diketahui ramai dan bukanlah menjadi satu perkara yang ganjil jika sifat ini diaplikasi dalam kehidupan mereka. Dalam *kalang* ini turut memaparkan unsur bersendirian, yakni wujud sifat dan rasa bersendirian yang dipunyai oleh penyanyi *kalang*. Sifat ini dipaparkan dengan menggunakan ayat-ayat yang estetika dan kata-kata khusus yang secara tidak langsung menonjolkan sifat bersendirian itu, iaitu *telampau tiyo, dagang tiniman, niyaq tantu ampar, dagang piatu, liyangan beriu*. Penggunaan kata-kata ini dalam nyanyian seolah-olah

meminta simpati daripada pendengar, dan untuk dijadikan sebagai sebahagian daripada proses penceritaan.

c) Kesantunan

Assalamualaikum unjukan ku lagi
Taq dik ku cukup no lanji
Alus basaq nu nyaun banding ni
Lekat minggu ka kau kinasih?

Assalamualaikum saya berikan lagi
Kepada adik ku yang cukup lawa
Halus budi tiada bandingnya
Dari manakah kau yang dikasih?

Ding gelama ding kedidik
Pedagang jomo ni atur-atur
Luaq minggu ka boi teko nu dik?
Sukup pandai betutur-tutur

Ikan gelama ikan kedidi
Dijual orang beratur-atur
Dari manakah kamu ni datang?
Sungguh padai berkata-kata

Meli selasih luman engkadai
Akan bino taq lat yunan
Terimo kasih no yang alap atai
Iyan oron kampung alaman?

Membeli selasih jalan ke kedai
Untuk dibawa ke negeri yunan

Terima kasih lah yang baik hati
Apa nama kampung halaman

Sayang-sayang buah rambutan
Dong sinundak dong ginuyang
Amun dik ku niaq kebuatan
Siyan oron dik ku sayang?

Sayang-sayang buah rambutan
Jangan dijolok jangan digoyang
Jika adik ku tidak keberatan
Siapa nama adik ku sayang?

Rindaq-rindaq olos ni jarang
Pekayan balu ngebit pianu
Teturan dik ku sukup no tarang
Patut no pen alap atai nu

Kain renda kainnya nipis
Pakaian balu bermain piano
Kata-kata adik sungguh jelas
Patutlah juga baik hati mu

Selain sifat tidak suka berterus-terang, orang asia juga terkenal dengan kesantunan dan budi bahasa mereka, malah kedua-dua aspek ini menjadi keutamaan dalam pendidikan awal yang bermula di rumah. Kesantunan direfleksikan dengan pelbagai cara sama ada melalui lisan mahupun perlakuan. *Kalang* juga tidak terlepas daripada keadaan itu. Ia ditunjukkan dalam jalinan bahasa yang cukup indah untuk menggambarkan kesantunan dan kehalusan bahasa misalnya, *Alus basaq nu nyaun banding ni; Terimo kasih no yang alap atai; Amun dik ku niaq kebuatan; Patut no pen alap atai nu*. Contoh-contoh

seumpama ini sebenarnya banyak sekali digunakan dalam *kalang* Bajau. Hal ini memperlihatkan bahawa masyarakat ini juga begitu prihatin terhadap perlakuan ahlinya agar mereka lebih tahu menilai budaya yang dipegang dan menjadikan diri mereka sebagai contoh terbaik dalam pemakaian bahasa.

d) Masa

Kata, frasa atau klausa yang menjawab pertanyaan *bila* sesuatu perbuatan atau peristiwa itu berlaku, tergolong sebagai adverba waktu. Adverba waktu yang diwujudkan dalam bentuk kata adalah seperti berikut: *sekarang, kini, tadi, kelak, semalam*, dan sebagainya. Adverba waktu boleh juga diwujudkan dalam bentuk klausa, dan klausa ini adalah klausa subordinat yang ditandai oleh kata atau frasa penghubung seperti *apabila, bila, ketika, tatkala, manakala, pada, masa, pada waktu, semasa, sewaktu* (Asmah Hj. Omar 1993:318).

Gulai rebung pinapi koq santan

Saung-saung loso kakan ti

Amun dinakan niyaq kebuatan

Kami duangan ingin ngerati

Sayur rebung dimasak dengan santan

Kita makan pada waktu pagi

Jika saudara tidak keberatan

Kami berdua ingin mengetahui

Puteri mandi bebaun ruti

Saung-saung ea no waktu

Amun seb kam ingin ngerati

Anak jomo ampun rumaq tu

Puteri mandi berbekal roti
Pagi-pagi itulah waktunya
Jika kamu ingin tahu
Anak tuan punya rumah ini

Dong gai sasaq sampai sesilat
Buat lampung sitampu-tampu
Juduh ni langkau selagi ayat
Sampai pen gai beranak empu

Jangan mereka bergaduh sehingga bersilat
Untuk ringan Bantu membantu
Jodohnya berpanjangan selagi hidup
Sehingga mereka beranak cucu

Siganti-ganti saat koq waktu
Taun enggo buan ni dau
Dong no pikir niyaq tantu-tantu
Endokoq akal masih anak bau

Berganti-ganti saat dan waktu
Tahun mana bulannya dahulu
Janganlah fikir tidak tentu-tentu
Seperti fikiran anak-anak muda

Un puq un pen petepiq
Ngabut sesubu tepaad-paad
Sambungin bi no seritaq bi siniq
Jomo mekaleh niyaq sabar ngagad

Ada ke sana ada juga ke tepi
Sekejap lagi waktu subuh
Kamu sambunglah cerita yang tadi
Orang mendengar tidak sabar menunggu

Sebagai masyarakat tradisi, sebenarnya tidak wujud kata nama waktu dalam masyarakat ini, sebaliknya mereka menjadikan putaran alam secara semula jadi sebagai garis panduan untuk mengukur dan menentukan masa. Oleh yang demikian, mereka mula secara kreatif mencipta pernyataan masa menerusi pengamatan daripada unsur alam misalnya *Saung-saung loso kakan ti; Saung-saung ea no waktu; Juduh ni langkau selagi ayat, sampai pen gai beranak empu; Siganti-ganti saat koq waktu, taun enggo buan ni dau; Ngabut sesubu tepaad-paad.*

Memandangkan *kalang* merupakan perilaku lisan, maka dalam sesetengah 'keadaan' satu perilaku lisan akan memaparkan beberapa fungsi di dalamnya. Salah satu fungsi terpentingnya adalah komunikasi, tetapi tidak semua perilaku lisan mempunyai fungsi komunikasi. Penghasilan seni lisan/tradisi lisan secara amnya memperlihatkan fungsi yang luas. Antara fungsi-fungsi perilaku lisan, a. Hiburan; b. Menunjukkan kemahiran; c. Memuji pemerintah/mengkritik musuh; d. Promosi terhadap nilai budaya dan moraliti; e. Ekspresi terhadap pengalaman bersama yang mengandungkan pendengar; f. Merakamkan peristiwa bersejarah atau undang-undang atau kepercayaan agama; g. Interaksi dengan makhluk ghaib; h. Mengawal alam fizikal oleh ahli-ahli magis; i. Pengubatan tradisi (Fabb 1997:6). Fungsi-fungsi itu juga dapat diperlihatkan dalam nyanyian tradisi Bajau ini, dan secara tidak langsung setiap fungsi ini juga wujud dalam perilaku bukan lisan masyarakat ini.

Kesimpulan

Interaksi boleh wujud dan hadir dalam pelbagai bentuk. Kepelbagaian itu diperlihatkan dengan penggunaan teknik dan kekreatifan penyanyi atau pencipta nyanyian tradisi seperti *kalang mpat*. Dengan menggunakan teknik-teknik interaksi, maka secara tidak langsung telah mewujudkan hubungan antara dua pihak, iaitu penyanyi-pendengar yang akhirnya akan memberikan satu tanggapan yang baik terhadap nyanyian tradisi oleh kalangan pendengar. Memandangkan khalayak pendengar *kalang* sudah semakin mengecil jumlahnya, maka penyanyi *kalang* perlu lebih kreatif untuk menarik perhatian dan minat pendengar agar kembali menghargai dan meminati nyanyian tradisi. Meskipun antara tugas utama *kalang* adalah sebagai hiburan, namun ia turut memerlukan teknik-teknik tertentu untuk menyimpan nilai dan norma masyarakat pendukung dalam baris-baris lagunya.

Rujukan

- Brown, H. Douglas. 1980. *Principle of Language Learning & Teaching*. Englewood Cliff, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Dailie, Francois-Rene. 1988. *Alam Pantun Melayu-Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Dundes, Alan. 1965. *The Study of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Fabb, Nigel. 1997. *Linguistics and Literature: Language in the Verbal Arts of the World*. Massachusetts: Blackwell Publishers Inc.,
- Finnegan, R. 1977 (1992 2nd edition). *Oral Poetry: its Nature, Significance and Social Context*. Bloomington: Indiana University Press.
- Halliday, M.A.K. 1973. *Explorations in The Functions of language*. London: Edward Arnold.

- Halliday, M.A.K. 1978. *Language as Social Semiotic: The Social Interpretation of Meaning*. London: Edward Arnold.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara. 2003. Brunei: Dewan Bahasa & Pustaka Brunei Darussalam.
- Kress, Gunther & Robert Hodge. 1979. *Language as Ideology*. 2nd edition (1993). London: Routledge & Kegan Paul.
- Lord, A.B. 1965. Oral Poetry. In. A Preminger (ed.). *Encyclopedia of Poetry and Poetics*. New Jersey: Princeton University Press.
- Ong, Walter J. 1982. *Orality and Literacy: the Technologizing of the Word*. London: Methuean.
- Overbeck, H. 1922. *The Malay Pantuns*. Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society (JSBRAS) 85(1922):4-28.
- Phillips, N. 1981. *Sijobang: Sung Narrative Poetry of West Sumatra*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sperber, D & Wilson, D. 1986 (1995). *Relevance: Cognition and Communication*. Oxford: Basil Blackwell.
- Stubbs, Michael. 1983. *Discourse Analysis: the Sociolinguistics Analysis of Natural Language*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sweeney, Amin. 1980. *Reputations Lived On: an Early Malay Autobiography*. Berkeley: University of California Press.
- Winstedt, R.O 1969. *Kamus Bahasa Malaysia*. Singapore: Marican and Sons.
- Yahaya Ismail. 1963. Sedikit tentang Naskhah Lama Melayu. Dewan Bahasa 7(9): 417